

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Pejabat Peguam Negara akan mengadakan garis panduan kepada anggota kehakiman untuk menyelaraskan hukuman terhadap kes-kes jenayah, supaya kes berat tidak dijatuhkan hukuman terlalu ringan manakala kes kecil dijatuhkan hukuman berat dan menjejaskan imej kehakiman Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa kehakiman Persekutuan diperuntukkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Badan Kehakiman merupakan salah satu cabang kepada pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berperanan sebagai badan yang mentafsirkan undang-undang dan memutuskan apa-apa pertikaian atau perkara yang dibawa ke mahkamah. Berdasarkan perkara ini, jelas bahawa kuasa untuk menjatuhkan hukuman merupakan budi bicara kehakiman (*judicial discretion*) yang diberikan kepada Hakim atau Majistret.

2. Bidang kuasa Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman bagi sesuatu kes jenayah adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang, iaitu Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] dan Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*]. Disamping itu, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan juga telah mengeluarkan *Bench Book (Criminal Law) 2nd Edition 2014* yang antara lain mengandungi prinsip penghukuman sebagaimana yang diputuskan oleh mahkamah.

3. Manakala peranan Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara yang menjalankan pendakwaan adalah untuk membantu Mahkamah mencapai keputusan yang mengambil kira kepentingan umum (*public interest*) dan prinsip yang terpakai dalam menjatuhkan hukuman yang sesuai bagi sesuatu kesalahan dengan mengemukakan fakta, keterangan kes dan jenis hukuman yang biasa dijatuhkan bagi sesuatu kesalahan itu bagi kes yang melibatkan fakta yang sama serta peruntukan undang-undang berhubung dengan hukuman bagi suatu kesalahan yang dilakukan, demi keadilan semua pihak.

Sekian, terima kasih.